

AGENDA 8.2: KEBERKESANAN TINDAKAN BAGI MENANGANI RISIKO DAN PELUANG SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

**MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN
(MKSP) ISO QMS & ISMS UPM TAHUN 2024**

19 SEPTEMBER 2024 | 2.00 PETANG | DEWAN SENAT,
BANGUNAN CANSELORI PUTRA

Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan





6 Perancangan

6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang

6.1.1 Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, organisasi hendaklah mempertimbangkan isu yang disebutkan dalam 4.1 dan keperluan yang disebutkan dalam 4.2 dan menentukan risiko dan peluang yang perlu dinyatakan untuk:

- a) memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dimaksudkan;
- b) meningkatkan kesan yang diingini;
- c) mencegah, atau mengurangkan kesan yang tidak diingini;
- d) mencapai penambahbaikan.

6.1.2 Organisasi hendaklah merancang:

- a) tindakan menyatakan risiko dan peluang;

b) cara untuk:

- 1) mengintegrasikan, dan melaksanakan tindakan itu ke dalam proses sistem pengurusan kualiti (lihat 4.4);

- 2) menilai keberkesanan tindakan ini.

Tindakan yang diambil untuk menyatakan risiko dan peluang hendaklah setimpai dengan kesan yang mungkin wujud terhadap keakuran produk dan perkhidmatan.

NOTA 1. Pilihan untuk menyatakan risiko boleh termasuk mengelakkan risiko, mengambil risiko untuk mengejar peluang, menghapuskan punca risiko, mengubah kemungkinan atau akibat, berkongsi risiko, atau mengekalkan risiko berdasarkan keputusan bermaklumat.

NOTA 2. Peluang boleh membawa kepada penerimgunaan amalan baharu, pelancaran produk baharu, pembukaan pasaran baharu, menangani pelanggan baharu, membina perkongsian, menggunakan teknologi baharu, dan kemungkinan lain yang diingini dan berdaya maju bagi menangani keperluan organisasi atau pelanggannya.

Penilaian risiko dibuat
adalah berdasarkan
keperluan Standard
Sistem Pengurusan
Kualiti (QMS)
ISO 9001:2015
klausa 6.1
Tindakan
menyatakan risiko
dan peluang

Penilaian:

1. Penilaian awal
2. Penilaian HY1 (Jan-Jun)
3. Penilaian HY2 (Julai-Dis)

FOKUS PELAPORAN:

1 LAPORAN RISIKO OPERASI TAHUN
2023 & PERTENGAHAN TAHUN
PERTAMA (HY1) 2024

2 STATUS PEMANTAUAN RISIKO

3 STATUS PENGENALPASTIAN PELUANG

FOKUS PELAPORAN:

1 LAPORAN RISIKO OPERASI TAHUN
2023 & PERTENGAHAN TAHUN
PERTAMA (HY1) 2024

2 STATUS PEMANTAUAN RISIKO


3 STATUS PENGENALPASTIAN PELUANG

2023



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT



375 isu dinilai

348 isu dinilai

27 belum nilai

371 isu dinilai

4 belum nilai

Penilaian akan dibuat setelah strategi tindakan untuk menangani risiko di PTJ selesai dilaksana


Tahap Risiko:

■ Rendah ■ Sederhana ■ Tinggi

Nota:

1. Pen Awal: Penilaian Awal Risiko
2. Pen. HY1: Penilaian Pertengahan Tahun Pertama
3. Pen. HY2: Penilaian Pertengahan Tahun Kedua

2024



397 risiko dinilai

374 risiko dinilai

23 belum nilai

*** HY2- Penilaian akan dibuat pada Januari 2025 bagi tempoh Julai – Dis 2024**

Tahap Risiko:




Nota:

1. Pen Awal: Penilaian Awal Risiko
2. Pen. HY1: Penilaian Pertengahan Tahun Pertama
3. Pen. HY2: Peilaian Pertengahan Tahun Kedua



PERBANDINGAN PERATUS TAHAP RISIKO HY1 TAHUN 2023 DAN 2024



- Jumlah risiko:

Tahun 2023 = 375


Tahun 2024 = 397

- Bilangan tahap risiko yang dinilai semasa HY1 bagi tahun 2023 dan 2024 adalah hampir sama walaupun terdapat tambahan 22 isu baharu yang dikenalpasti pada tahun 2024.



Nota:





Nota:

 **Tahun 2023**

 **Tahun 2024 (HY1)**



FOKUS PELAPORAN:

1 LAPORAN RISIKO OPERASI TAHUN
2023 & PERTENGAHAN TAHUN
PERTAMA (HY1) 2024

2 STATUS PEMANTAUAN RISIKO

3 STATUS PENGENALPASTIAN PELUANG



Tahap Risiko Tinggi

1. Melaksanakan Strategi Tindakan dan mengenal pasti strategi tindakan lain sekiranya tahap risiko masih kekal tinggi. Pemantauan tindakan di peringkat PTJ (**Mesyuarat Pengurusan PTJ**)
2. Senarai risiko tinggi dibentangkan di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (JKPRU)**.

Tahap Risiko Sederhana

1. Melaksanakan strategi Tindakan dan mengenal pasti strategi tindakan lain sekiranya tahap risiko masih kekal tinggi. Pemantauan tindakan di peringkat PTJ (**Mesyuarat Pengurusan PTJ**)

Tahap Risiko Rendah

Pemantauan secara berterusan. Pemantauan tindakan di peringkat PTJ (**Mesyuarat Pengurusan PTJ**)

Senarai risiko tinggi PTJ telah dibentangkan di mesyuarat:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-59 pada 20 Februari 2024 (Senarai risiko tinggi HY2 2023)
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ke-60 pada 19 Julai 2024 (Senarai risiko tinggi HY1 2024)
3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti Bil. 1/2024 pada 19 Ogos 2024 (Senarai risiko tinggi HY1 2024)



Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Ruang jalan yang sempit untuk pergerakan jentera bomba ke Rumah Tetamu	Keselamatan / Kesihatan	Kelewatan untuk operasi menyelamatkan	Menggunakan jalan luar berhampiran Rumah Tetamu untuk operasi menyelamatkan	Memohon peruntukan untuk naik taraf pintu pagar berhampiran rumah tamu	Rawat (Treat)

Institut Biosains

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Bangunan IBS dicemari kulat	Infrastruktur / Persekitaran	Menjejaskan kesihatan, peralatan dan perkhidmatan.	i) Memasang alat penapis udara di lokasi yang kritikal masalah pencemaran kulat. ii) Memasang penghawa dingin 'split unit'	Meningkatkan kadar pengudaraan dan pencahayaan di dalam bangunan IBS.	Rawat (Treat)
Pendawaian elektrik yang telah usang yang boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi.	Infrastruktur / Persekitaran	Pendawaian elektrik yang usang yang boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi.	Keperluan menjalankan siasatan menyeluruh di Bangunan yang terlibat dan melaksanakan tindakan berdasarkan hasil siasatan	Menjalankan pemeriksaan dan siasatan di lokasi oleh PPPA bagi mengenalpasti punca kejadian bekalan elektrik terputus.	Rawat (Treat)



Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Proses baik pulih bangunan / infrastruktur yang rosak / usang tidak dapat dilaksanakan dengan segera akibat kekangan kewangan	Infrastruktur / Persekitaran	Persekitaran yang tidak kondusif untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta meningkatkan risiko keselamatan kepada warga fakulti.	1. Memohon peruntukan baik pulih di bawah Penyelenggaraan Fasilitas Usang dan RMK 13. 2. Menambah baik aktiviti penyelenggaraan dengan mewujudkan jadual penyelenggaraan 3. Menetapkan sasaran supaya sebahagian besar aduan kerosakan dibaiki	1. Memohon peruntukan daripada Universiti atau KPT dan menetapkan keutamaan pada kerja baik pulih yang melibatkan kemudahan pelajar dan keselamatan. 2. Melantik Pegawai Bertanggungjawab untuk melaporkan segera sebarang kerosakan yang berlaku agar dapat ditangani segera. 3. Menggiatkan usaha penjanaan	Belum Nilai
Pembelian alatan baharu atau proses naik taraf / baik pulih / penggantian peralatan makmal pengajaran dan penyelidikan yang rosak tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan kewangan.	Peralatan / Mesin	Menjejaskan proses pembelajaran dan penyelidikan sekaligus berpotensi menjejaskan KPI Fakulti	1. Memastikan peralatan sedia ada diselenggara 2. Menggunakan peralatan penyelidikan di PTJ lain	Fakulti telah memohon peruntukan dari pihak KPT bagi menggantikan peralatan yang rosak/usang	Belum Nilai

Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Sejak 2020 telah berlaku kerosakan bumbung, kebocoran semua dari bumbung hingga ke lantai aras 1 telah melimpah ke makmal aras bawah. Kawasan yang terlibat adalah siling di bilik siswazah, makmal GIS, Tandas Perempuan di tingkat 2, Makmal Fermentasi dan ruang berhadapan di bilik pegawai penyelidik.	Infrastruktur / Persekitaran	Bumbung/ Siling runtuh mendatangkan risiko bahaya kepada staf dan pelajar dan boleh menyebabkan kecederaan yang serius. Ruang bilik yang lembab menyebabkan pertumbuhan kulat dan membahayakan kesihatan.	1) Permohonan peruntukkan ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPA) UPM. 2) Memohon peruntukan bumbung baharu RMK13.	Memindahkan peralatan di bilik yang terlibat ke tempat yang lebih selamat.	Pindah (Transfer)



Pusat Asasi Sains UPM

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Peruntukan kewangan belanja mengurus tahunan dikurangkan / dipotong memberi impak kepada penyediaan infrastruktur	Infrastruktur / Persekitaran	Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran	i. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun. ii. Melaksanakan perbelanjaan berhemah.	i. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun. ii. Melaksanakan perbelanjaan berhemah. iii. Meningkatkan pendanaan pendapatan	Rawat (Treat)

Pusat Kesihatan Universiti

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Sistem eKlinik PKU UPM sekarang tidak lagi relevan dan tidak memenuhi keperluan medico legal serta usang.	Pentadbiran / Perkhidmatan	1. Nota klinikal pesakit tidak dapat ditulis dengan sempurna dan perkara ini akan menjadi masalah sekiranya berlaku kes-kes berkenaan medikolegal. 2. Keselamatan maklumat diragui. 3. Telah berlaku kehilangan data pesakit.	1. Penggunaan nota sendiri melalui buku nota/ templat temujanji pegawai pergigian secara manual (sekiranya berkenaan) 2. Pendaftaran semula maklumat pelanggan apabila kehilangan data berlaku 3. Perakodan secara manual data kes pesakit mengalami kes kemalangan/kecederaan di UPM	1. Pembangunan Sistem e-Klinik Baharu dengan penglibatan pihak iDEC dan Pejabat Bursar. 2. Kajian /lawatan ke fasiliti kesihatan Universiti Awam yang lain.	Pindah (Transfer)



Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen

Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Staf kontrak yang berhenti dan mendapat tetap serta dipindahkan ke PTJ lain	Pentadbiran / Perkhidmatan	Seksyen Pentadbiran dan Kewangan terpaksa berulang kali memproses prosedur lantikan baru, perlanjutan kontrak, mengadakan latihan yang bersesuaian dan penstrukturan semula organisasi. Operasi seksyen juga akan tergendala setiap kali berlaku tukar ganti staf.	Pengagihan tugas dalam kalangan staf sedia ada	Melantik staf jawatan Pegawai Eksekutif (PE) dan Personel MyStep menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTJ	Rawat (Treat)
Kekurangan dana amil bagi menampung kos operasi WAZAN kerana peruntukan sedia ada terpaksa membiayai emolumen staf kontrak yang sangat ramai	Kewangan	- Operasi WAZAN terjejas teruk (meliputi kos promosi, utiliti, pengurusan pejabat, aset, latihan, latihan) dan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dana - Tidak dapat menyokong/ menyumbang kepada pendapatan UPM	Mengoptimumkan tenaga kerja dalam kalangan staf sedia ada (multitasking) bagi menjimatkan kos penggunaan peruntukan bagi tujuan bayaran emolumen staf kontrak.	- Memohon waran jawatan staf tetap - Merangka strategi-strategi baru peningkatan zakat	Rawat (Treat)

Pejabat Bursar


Pernyataan Isu	Fungsian	Pernyataan Risiko	Kawalan Sedia ada	Strategi Tindakan	Kawalan Risiko
Universiti belum berjaya menampung defisit belanja melalui aktiviti penajaan pendapatan	Kewangan	Operasi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti terjejas	Mengenalpasti peluang penajaan baharu dan mengurus kewangan secara cekap dan berkesan	Jawatankuasa Pendanaan dan Perniagaan Universiti turut mencadangkan model tadbir urus baharu untuk aktiviti pendanaan dan perniagaan universiti dan cadangan dibawa ke LPU pada 11.6.2024	Rawat (Treat)
Perniagaan yang dijalankan oleh anak syarikat tidak mencapai margin keuntungan	Kewangan	Anak syarikat tidak mampu memberikan pulangan dalam bentuk dividen kepada UPM	Pemantauan aktiviti perniagaan syarikat melalui mesyuarat JPU-UPMH	Anak syarikat diminta membuat unjuran bayaran dividen untuk 5 tahun ke hadapan. Pada tahun 2022 dan 2023, anak syarikat berjaya mencapai margin keuntungan dan mengisytiharkan dividen RM200,000-RM250,000.	Pindah (Transfer)

FOKUS PELAPORAN:

1 LAPORAN RISIKO OPERASI TAHUN
2023 & PERTENGAHAN TAHUN
PERTAMA (HY1) 2024

2 STATUS PEMANTAUAN RISIKO

3 STATUS PENGENALPASTIAN PELUANG



Bilangan peluang/hikmah yang didapati hasil tindakan yang dilaksana daripada risiko yang telah dikenal pasti oleh PTJ




Perincian senarai Peluang boleh rujuk dalam Daftar Risiko PTJ masing-masing

Bil. Peluang (HY1) :

338

Bil. Peluang (HY-1) Mengikut Klasifikasi PTJ





Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan diminta mengambil maklum dan perhatian:

1. **Laporan Risiko Operasi** Tahun 2023 & Pertengahan Tahun Pertama (HY1) 2024.
2. Status **Pemantauan Risiko**.
3. Status **Pengenalpastian Peluang** dalam Sistem Pengurusan Kualiti.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan
Berilmu Berbakti

Terima Kasih